

10 JAN 2000

Kelantan-Air

AKSB MUNGKIN DISWASTAKAN JIKA GAGAL DAPAT PINJAMAN RM600 JUTA

KOTA BAHARU, 10 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri Kelantan akan membuat keputusan untuk memperbadankan atau menswastakan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sekiranya gagal memperolehi pinjaman mudah RM600 juta daripada kerajaan pusat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Kerja Raya Negeri, Abdullah Ya'kub berkata, keputusan berkenaan akan dibuat segera selepas usaha-usaha yang dijalankan sekarang untuk mendapatkan pinjaman mudah itu tidak berjaya.

"Pegawai-pegawai kami (kerajaan negeri) sedang membuat susulan dengan mengemukakan permohonan baru termasuk menemui pihak perbendaharaan bagi mendapatkan pinjaman berkenaan," katanya pada majlis perjumpaan Aidilfitri dan dialog Menteri Besar Kelantan dan Exco dengan anak-anak Kelantan di perantauan di sini, malam tadi.

Air Kelantan Sdn Bhd, syarikat tunggal pembekalan air bersih di negeri ini kini sepenuhnya di bawah Perbadanan Menteri Besar selepas konsesi penswastaan dengan syarikat dari London Thame Water ditamatkan pada April tahun lepas.

Pada April itu juga, kerajaan pusat melalui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan pinjaman mudah RM600 juta kepada kerajaan negeri Kelantan untuk pembangunan sumber air bersih itu.

Bagaimanapun selepas pilihan raya umum ke-10 tahun lepas, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu mahukan kerajaan negeri Kelantan mengemukakan permohonan baru sekiranya ingin mendapatkan pinjaman mudah berkenaan.

Abdullah berkata jika diperbadankan atau diswastakan, AKSB boleh membuat pinjaman daripada institusi kewangan di negara ini bagi membiayai pembangunan bekalan air di negeri ini.

"Ada institusi kewangan yang telah berjanji untuk berikan pinjaman kepada AKSB jika ianya diperbadankan atau diswastakan," katanya.

Abdullah yakin masalah yang dihadapi dalam pembekalan air bersih seperti kuantiti dan kualiti air yang rendah akan dapat diatasi dengan segera untuk faedah rakyat.

--BERNAMA

BD